

17/08/2000

Iktibar daripada pelayaran Azhar Mansor

Jahamy

JUMAAT lalu, pelancaran dokumentari pelayaran Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia dengan kapal layar Jalur Gemilang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Langkawi.

Ia diadakan sempena ulangtahun pertama pelayaran tersebut. Cuaca yang malam sebelum itu hujan lebat bertukar menjadi terang pada malam persamian seolah-olah meraikan bersama malam yang penuh bermakna itu.

Bagi orang Muslim, kapal layar Jalur Gemilang sudah tentu akan mengingatkan mereka sekali lagi bahawa ia adalah tanda kekuasaan Allah (ayatun) di mana kapal layar kecil berjaya merentasi keganasan lautan: "Tiadakah engkau lihat bahawa kapal belayar di laut dengan nikmat Allah, supaya Dia memperlihatkan kepadamu ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kekuasaan-Nya). Sesungguhnya tentang demikian itu menjadi tanda-tanda bagi tiap-tiap orang yang sabar lagi berterima kasih." (Surah Luqman: 31)

Menonton dokumentari pelayaran Azhar bukan saja mengagumkan kita terhadap kebolehan yang Allah berikan kepada manusia tetapi ia juga menyayat hati kerana banyak tanda-tanda Allah diperingati oleh pelayaran berkenaan. Bayangkan diri anda seorang diri di lautan India berhadapan dengan angin taufan, ombak, gelap gelita dan kesunyian. Di atas kapal layar yang tidak berenjin, anda hanya mengharapkan kebolehan yang Allah kurniakan kepada anda dan keyakinan penuh kepada pertolongan Allah. Dalam keadaan seperti ini, pengetahuan, keyakinan, kesabaran, kecekalan dan sifat terus berusaha amat penting.

Dalam keadaan yang penuh berbahaya di lautan itu, Azhar terpaksa menghadapi segala cabaran dan tidak boleh menyerah diri atau berputus asa. Berputus asa atau panik bererti menyerah kalah kepada kuasa-kuasa yang juga mempunyai peranannya sendiri.

Allah mengajar kita bahawa sifat putus asa terhadap rahmat Tuhan adalah sifat orang-orang sesat sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Berkata (Ibrahim): Dan tiadalah sesiapa yang berputus asa dari rahmat Tuhannya melainkan orang-orang yang sesat." (Surah Al-Hijr: 56)

Di dalam al-Quran, Allah menceritakan kisah Nabi Ibrahim yang walaupun sudah tua, tidak berputus asa terhadap rahmat Allah sehingga dikurniakan Allah dua anak lelaki, iaitu Ismail dan Ishak (Surah Ibrahim: 39). Menyerah kalah atau berputus asa di dalam hidup atau apabila berhadapan dengan cabaran bererti kita tidak mensyukuri pemberian Allah dan kita ingkar (kafir). Kita juga mempelajari perkara ini daripada nasihat bapa Nabi Yusuf kepada anak-anaknya apabila beliau mengarahkan anak-anaknya untuk mencari Nabi Yusuf: "Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir." (Surah Yusuf: 87)

Pelayaran Azhar sedikit sebanyak menjelmakan prinsip yang perlu ada di dalam pelayaran hidup. Walaupun ombak hidup menjadikan kehidupan kita terumbang-ambing, kita sedar bahawa dengan sifat kesabaran, disiplin dan ketekunan yang diajar oleh Allah, kita berusaha mengharunginya. Kehidupan sebagai suatu pelayaran mempunyai ombaknya sendiri di mana adakalanya kita merasakan amat 'letih untuk terus hidup', terutamanya apabila kita berhadapan dengan suatu masalah yang kita anggap sebagai besar.

Namun, Allah yang mengetahui perkara ini, memperingati kita bahawa segala dugaan hidup adalah ujian daripada-Nya sebagaimana firman-Nya yang

bermaksud: "Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah: 155)

Allah sentiasa menguji kita dengan mewujudkan pelbagai situasi di dalam kehidupan kita sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami lah kamu semua akan dikembalikan." (Al-Anbiya: 35)

Beriman sudah tentu bermakna kepercayaan yang penuh kepada kuasa Allah dan kita hanya menjalankan sebaik mungkin tanggungjawab kita di dalam sesuatu situasi. Fokus kita adalah supaya kita 'belayar' di muka bumi ini dengan keyakinan penuh kepada Allah dan berusaha bersungguh-sungguh setiap hari dalam segenap bidang yang kita ceburi.

Azhar menggambarkan keadaan ini dengan jelas apabila beliau berkata: "Sebagai satu pelayaran, saya menghadapi risiko sepanjang jalan. Apa yang boleh dilakukan oleh saya ialah untuk melakukan apa yang perlu dilakukan setiap hari dengan sebaik mungkin. Jadi, saya cuma fokus kepada perkara terbaik yang perlu saya lakukan untuk menjayakan pelayaran saya. Apa yang akan berlaku esok kita tidak boleh tahu dan ia bukanlah hal kita."

Apabila penulis mendengar kata-kata ini, penulis terus teringat kepada ajaran Allah di dalam Surah Luqman ayat 34 yang bermaksud: "Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan (tentang waktu) kiamat; dan Dia menurunkan hujan; dan Dia mengetahui apa-apa yang ada dalam rahim perempuan. Seseorang tidak mengetahui apa yang akan diusahakannya esok; dan seseorang tidak mengetahui di bumi mana ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengetahui." (At-Tiin: 4)

Sememangnya adalah sia-sia kita terlalu risau mengenai esok sehingga kita dialihkan perhatian daripada melakukan kerja-kerja yang perlu disiapkan pada hari ini. Untuk fokus kepada cabaran-cabaran harian tanpa terlalu risau kepada keputusannya, kita perlukan disiplin minda dan keyakinan yang teguh kepada Allah. Selanjutnya Allah memberitahu kita bahawa manusia telah dicipta dalam bentuk yang sebaik-sebaiknya: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia di dalam bentuk yang sebaik-baiknya." (At-Tiin: 4)

Sekiranya kita percaya bahawa kita dicipta sebaik-baiknya oleh Allah, dengan hati yang sujud kepada kekuasaan Allah, kita akan berusaha untuk melakukan sesuatu perkara dengan sebaik mungkin. Kita akan penuh yakin pada diri kita kerana kita sedar bahawa sekiranya kita ikhlas dan terus berusaha, Allah akan membimbing kita. Kita lakukan tugas kita dan Allah akan lakukan apa yang Allah lakukan. Akhirnya apa yang diredai oleh Allah akan berhasil dan ia adalah yang terbaik.

Selepas merempuh pelbagai ombak ganas dan ribut, Azhar sudah memasuki satu kawasan lautan yang mengalami 'doldrums', iaitu satu kawasan lautan di Khatulistiwa yang kurang atau tidak berangin. Keadaan lautan juga tenang.

Menurut Azhar, keadaan ini boleh berterusan hampir dua minggu dan di dalam situasi seperti ini, kapal layar akan terapung-apung tanpa arah dan tujuan. Jalur Gemilang bergantung kepada angin dan sekiranya tidak ada angin, hampir mustahil bagi kapal layar itu untuk mara ke destinasi.

Pada penulis, keadaan 'doldrums' ini menghidupkan firman Allah di dalam Surah Asy-Syuura ayat 33: "Jika Dia menghendaki, ditenangkan-Nya angin, lalu kapal-kapal itu tetap di muka laut. Sesungguhnya pada demikian itu menjadi ayat-ayat bagi orang yang sabar lagi berterima kasih."

Azhar menjelaskan bahawa di dalam kawasan 'doldrums', pelayar sering 'hallucinate' atau khayal dan mengalami tekanan emosi yang tinggi sehingga ada yang mungkin memutuskan untuk mengakhiri hidup mereka. Beliau bersabar

menanti ketibaan angin dan bernasib baik kerana Allah menghidupkan angin kembali selepas tiga hari diuji.

Banyak iktibar yang boleh diperolehi semua rakyat Malaysia, terutama generasi muda daripada pelayaran Azhar. Setidak-tidaknya pelayaran beliau meningkatkan keyakinan diri ramai generasi muda untuk menempuh cabaran hidup dengan sebaik mungkin dan untuk maju ke hadapan tanpa ragu-ragu.

(END)